

The Role Of Academic Advisor In Motivating Students To Perform *Service-Learning*

Tee Tiam Chai,^{*} Hamdan Said, Norashuha Tajuddin, Nguyen Thuy Van, Ros Ilyani Rosdi, Mohd Rustam Mohd Rameli, Noriadah Abdul Karim

^aUniversiti Teknologi Malaysia

^{*}Corresponding author: tiamchaitee@yahoo.com

Abstrak

Banyak kajian menunjukkan bahawa untuk membina masyarakat yang berdaya maju, modal insan yang bakal dilahirkan perlu berilmu, berkemahiran, berpemikiran tahap tinggi, kreatif dan inovatif dari segi idea dan amalan serta berkeupayaan dalam penyelesaian masalah. Kejayaan sesebuah masyarakat amat bergantung kepada kesedaran sivik serta semangat patriotik yang tinggi dalam kalangan generasi muda. *Service-learning* merupakan satu pendekatan holistik yang membolehkan pelajar bukan sahaja mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, nilai moral dan kenegaraan di luar bilik kuliah atau alam sebenar sebelum ke pasaran kerja malah mereka turut memperoleh nilai tambah baru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan pengalaman melalui aktiviti perkhidmatan yang mereka berikan. Penasihat akademik dilihat mampu menjadi pendorong serta pemangkin dalam membimbing pelajar melibatkan diri dengan memberi sumbangan sosial untuk pembangunan masyarakat. Kertas kerja ini membincangkan peranan dan kaedah penasihat akademik dalam memotivasikan pelajar melaksanakan *service-learning*. Perbincangan meliputi definisi *service-learning*, keperluan *service-learning*, ciri-ciri *service-learning*, impak *service-learning*, model *service-learning* serta contoh kajian kes projek *service-learning*. Perbincangan kertas kerja ini diakhiri dengan cadangan penambahbaikan peranan penasihat akademik demi memastikan kelangsungan kelestarian *service-learning*.

Kata kunci: Peranan penasihat akademik, memotivasi pelajar, *service-learning*, keperluan *service-learning*, ciri-ciri *service-learning*, impak *service-learning*, model *service-learning*

PENGENALAN

Sistem pendidikan negara berkembang secara dinamik mengikut peredaran masa dan zamannya. Sepanjang tempoh tersebut, sistem pendidikan negara telah melalui pelbagai proses perubahan yang bertujuan meningkatkan kualiti pelajar bagi memenuhi keperluan pembangunan negara. Program transformasi pendidikan negara distruktur semula dan mengambil kira strategi laut biru bagi melahirkan masyarakat berilmu, berakhlak mulia, berkeupayaan dan mempunyai daya saing yang tinggi bagi memenuhi keperluan sumber tenaga di pasaran kerja. Ia selaras dengan hasrat wawasan 2020 sebagai negara maju. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sentiasa mencari idea baru dan inovasi bagi melonjakkan lagi tahap dan kualiti pendidikan yang merangkumi pelbagai bidang, antaranya termasuklah bidang kurikulum, kokurikulum, pembangunan sahsiah, pedagogi serta tahap profesional dan kompetensi tenaga pendidik di universiti. Matlamat Kementerian adalah untuk memperkasa serta memartabatkan pendidikan negara agar satu sistem pendidikan berkualiti untuk semua pelajar. Aspek pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah (KI) sentiasa diberi penekanan dan menjadi agenda utama pendidikan negara masa kini.

Malaysia mensasarkan sebagai negara maju pada tahun 2020. KPM berhasrat memenuhi aspirasi negara dengan mewujudkan masyarakat yang berdaya saing di peringkat global. Cabaran Kementerian pada abad ke-21 adalah menggembeleng seluruh sumber dan tenaga dalam Kementerian dengan semangat dan tekad usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dengan laungan “1 Aspirasi, 1 Agenda” khususnya dalam soal transformasi pendidikan. Dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang, universiti berperanan menggalas tanggungjawab berat dalam memperkasa fungsi selaku agen transformasi sosial serta menyemai nilai-nilai patriotisme dalam kalangan pelajar, agar masyarakat yang bersatu padu dapat dibentuk. Justeru itu, graduan perlu mempunyai minda kelas pertama hasil usaha semua pihak. Warga pendidik telah banyak mencurahkan bakti dan jasa dalam melahirkan insan terpelajar yang mempunyai tahap kesediaan dalam menghadapi perkembangan teknologi, arus globalisasi dan isu komuniti. Hamedah (2009) menyatakan bahawa usaha membangunkan modal insan adalah agenda utama negara seperti mana yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Hala tuju pendidikan negara terus berlaku mengikut landasan yang telah dilakar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Modal insan yang bakal dilahirkan bukan sekadar mempunyai kecemerlangan dalam akademik malahan terpuji dari segi keperibadian dan sahsiah. Generasi muda ini dituntut agar dapat memelihara kesejahteraan serta kelangsungan negara pada landasan sebagai negara maju. Saingan dan arus globalisasi telah memberi impak yang besar terhadap dunia pendidikan, sekaligus mendesak sistem pendidikan negara untuk bertindak balas, dan berubah ke arah memenuhi keperluan sosial dan kemajuan negara. Keadaan ini menuntut semua pihak sehaluan dalam tindakan bagi merealisasikan pelan transformasi pendidikan negara dalam mengharungi perubahan yang dinamik.

Penasihat akademik dilihat sebagai agen atau pemangkin yang mampu memainkan peranan utama dalam membentuk modal insan yang berkualiti serta menjadi penghubung utama dalam membina jalinan erat serta jaringan kerja dengan masyarakat luar seterusnya membantu komuniti setempat dengan lebih baik, efektif dan relevan.

Peranan penasihat akademik dilihat begitu penting dan signifikan dalam usaha melestarikan pendidikan berkualiti serta keberkesanannya melalui *service-learning*. Ia dapat direalisasikan melalui peranan dan komitmen barisan penasihat akademik dalam meningkatkan pencapaian akademik, sahsiah dan kerjaya. Ngai (2006) dalam kajiannya menunjukkan bahawa *service-learning* dapat membangunkan keperibadian pelajar, yakin pada potensi diri, menjadi warganegara bertanggungjawab serta agen perubahan sosial dalam komuniti. Ia menunjukkan bahawa peranan penasihat akademik mampu menyumbang kepada masyarakat intelektual dan prihatin melalui pendekatan *service-learning*. Sebagai tunggal dan pelapis pemimpin masa depan, pelajar seharusnya mempertingkatkan kemahiran insaniah (KI) selain mencari nilai tambah pada diri masing-masing. Kekuatan intelektual, sahsiah mulia, kebolehkkerjaan dan kebolehpasaran pelajar mampu ditingkatkan dengan kehadiran penasihat akademik di universiti. Pendekatan kepimpinan, bimbingan dan mentoring berpusatkan pelajar dipercayai dapat membantu *advisee* membina kecemerlangan akademik, keperibadian serta laluan kerjaya. Satu cara yang dapat membantu pelajar mengenali dunia yang dinamik adalah melalui aktiviti *service-learning*. Idea ini memerlukan pelajar membina jalinan erat serta jaringan kerja yang baik dengan komuniti setempat dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Ini disebabkan kaedah pendidikan dan pembelajaran secara *service-learning* telah mendatangkan kesan positif dan memanfaatkan kepada banyak pihak yang terlibat dengannya (Slavkin, 2007).

Bagi memperoleh hasil pembelajaran yang lebih berkesan, Morris et al. (2001) menyatakan bahawa dalam proses pelaksanaan *service-learning*, pelajar perlu mempunyai pemikiran kritikal bagi menyelesaikan masalah yang semakin mencabar dan kompleks. Ini selari dengan tanggungjawab dan peranan penasihat akademik dalam melahirkan pelajar yang kritis dan kreatif, keperibadian mulia selain akademik dan kerjaya yang baik. Pandangan ini disokong oleh Eyler dan Giles (2001) yang menyatakan bahawa hasil pembelajaran yang positif melalui *service-learning* termasuk pembangunan personal dan sosial. Jalinan erat dengan komuniti menjadikan *service-learning* sebagai pelengkap kepada kursus dan pengajian dalam bilik kuliah. Pelajar berpeluang menggunakan komuniti sebagai tempat untuk menguji dan aplikasi sesuatu teori, ilmu pengetahuan serta kemahiran berkaitan dengan bidang pengkhususan mereka. Pengalaman ini adalah unik dan tidak pernah dilalui dalam kehidupan seharian mereka tanpa dilakukan secara terancang. Selain itu, Taylor dan Trepanier-Street (2007) menyatakan bahawa kemahiran dan kesedaran sivik pelajar hendaklah dipupuk dan dipraktikkan secara langsung dan berterusan. Lantaran itu, dapat meningkatkan kesedaran sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat yang amat menguntungkan individu dan masyarakat. Maka, adalah penting bahawa penasihat akademik mampu menjadi tunjang utama dalam menggalakkan penglibatan serta pelaksanaan *service-learning* dalam kalangan *advisee* mereka dengan lebih baik dan menyeluruh. Membimbing pelajar menggunakan pendekatan refleksi secara mendalam tentang pengalaman dan permasalahan yang dihadapinya semasa melaksanakan *service-learning* sangat menguntungkan.

DEFINISI SERVICE-LEARNING

Dalam kajian berkaitan *service-learning*, terdapat pelbagai istilah yang digunapakai yang membawa maksud yang sama dengan *service-learning*, antaranya termasuklah *service-learning* dan Pembelajaran Berasaskan Komuniti (*Community-Based Learning*). Kedua-dua ini membawa maksud yang sama. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan komuniti sebagai kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat atau orang ramai umumnya. Maksud Pembelajaran Berasaskan Komuniti (*Community-Based Learning*) pula melibatkan program khidmat komuniti yang dirancang secara teratur melalui pendekatan kolaboratif antara pelajar, fakulti, universiti dengan komuniti luar yang terpilih bagi tujuan mencapai matlamat kursus pembelajaran pelajar serta kepentingan kedua-dua pihak. *Service-learning* menggunakan keupayaan intelek serta kemahiran berkaitan profesion pelajar dalam menangani sesuatu masalah komuniti yang membawa impak positif kepada diri pelajar kesan memberi perkhidmatan. Ini bermakna *service-learning* merupakan keadaan di mana pelajar melibatkan diri dalam aktiviti khidmat komuniti dengan matlamat pembelajaran yang khusus melalui refleksi secara mendalam berkaitan dengan bidang pengajian akademik.

Service-learning juga merujuk kepada situasi di mana pelajar belajar daripada melakukan aktiviti *service-learning* di luar bilik darjah secara terancang. Ia dikatakan situasi di mana pelajar belajar melalui memberikan perkhidmatan kepada sesuatu komuniti berkaitan bidang pengajian mereka. Ilmu, kemahiran dan nilai yang hendak diterapkan ditentukan terlebih dahulu sebelum suatu cadangan projek atau pendaftaran kursus dibuat. Hasil pembelajarannya ialah pelajar dapat memperoleh objektif dari segi kognitif, afektif dan psikomotor yang sebenarnya berlaku dalam bilik kuliah telah dipindahkan kepada luar kelas iaitu komuniti terpilih. Justeru itu projek yang pelajar lakukan mestilah projek yang boleh membantu mereka meningkatkan pengetahuan, kandungan dan kemahiran generik yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka.

Service-learning atau pembelajaran melalui memberi perkhidmatan menggabungkan aspek pengetahuan dan kemahiran pelajar ke dalam aktiviti khidmat komuniti. Pelajar melibatkan diri dalam komuniti tertentu dengan mengenalpasti serta menyelesaikan sesuatu masalah secara kolektif dan kolaboratif. Ia mencakupi pelbagai bidang

termasuklah pendidikan, teknologi maklumat, sosioekonomi, kemahiran hidup, pemindahan ilmu pengetahuan serta kemahiran teknikal. Dalam proses melaksanakan *service-learning*, pelajar bersama ahli kumpulan akan menyalurkan pengetahuan serta kemahiran khusus mereka untuk memberi perkhidmatan atau cuba menangani masalah dalam komuniti. Sehubungan dengan itu, para penasihat akademik, pelajar, staf dan komuniti akan bekerja bersama-sama ke arah membina kebajikan dan kesejahteraan hidup komuniti.

Cress et al. (2005) mendefinisikan *service-learning* sebagai persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kompleks yang dirangka khusus bagi tujuan mengukuhkan hasil pembelajaran melalui proses menghubungkan antara kandungan pengajian dengan peluang memberi perkhidmatan kepada komuniti. Pendekatan ini memerlukan gabungan kepakaran dan pengalaman penasihat akademik serta komitmen pelajar dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam *service-learning*. Ia berbeza dengan pendidikan konservatif yang lebih kepada PdP dalam kuliah sahaja berbanding *service-learning* yang mampu membawa manfaat yang banyak kepada pihak-pihak yang terlibat. Burnett et al. (2005) mendefinisikan *service-learning* sebagai “*a learning experience that facilitates student acquisition of awareness, knowledge, and skills while promoting a commitment to personal, social, civic and professional responsibility.*” Definisi ini menunjukkan bahawa melalui *service-learning*, pembangunan kapasiti pelajar mampu berlaku secara ketara dan menyeluruh. Keupayaan yang dimaksudkan adalah merangkumi pengetahuan, kemahiran, kesedaran sivik, tanggungjawab sosial dan keprofesionalan. Kemahiran ini banyak menjurus kepada komponen kemahiran insaniah (KI) yang perlu ada pada diri seorang pelajar untuk mencapai tahap kebolehpasaran yang baik. Dalam konteks ini, penasihat akademik menjadi pendorong utama kepada penglibatan pelajar dalam program *service-learning*. Sebagai warganegara yang berwawasan, menabur bakti dan tanggungjawab sosial adalah agenda penting yang perlu direalisasikan bagi memastikan komuniti kita terus maju dan membangun sebagai masyarakat lestari. Jacoby (2002) menyatakan bahawa *service-learning* dapat meningkatkan potensi dan kemahiran pelajar. Ia mampu membawa perubahan yang signifikan serta positif terhadap kesedaran dan tanggungjawab sosial pelajar. Program *service-learning* yang berfokus dan terancang amat membantu sekaligus dapat menyelesaikan sesuatu permasalahan dalam komuniti. Selain itu, semasa melaksanakan *service-learning*, tentunya akan memberi suatu pengamatan, penghayatan serta refleksi yang cukup bermakna kepada diri pelajar itu. Refleksi sendiri yang akan memantapkan diri pelajar itu. Zlotkowski(1998) pula memberikan definisi *service-learning* sebagai satu bentuk pedagogi yang melangkaui kaedah PdP yang biasa digunakan walaupun ia melibatkan pembelajaran secara aktif yang merangkumi simulasi, main peranan dan permainan kecil. *Service-learning* memerlukan pelajar menghubungkan antara masalah pembelajaran kepada pengalaman sebenar yang bakal diperolehnya selari dengan perkhidmatan yang diberikan kepada kumpulan sasaran. Pengalaman secara langsung melalui program terancang dalam *service-learning* mampu menjadi pelengkap kepada teori yang kompleks dan mendalam dalam bilik kuliah. Ia membolehkan pelajar mengalami proses pembelajaran secara bermakna melalui penyertaan secara aktif dalam khidmat komuniti. Ketika pelajar melibatkan dalam projek *service-learning*, pelajar akan berpeluang memindahkan sesuatu ilmu *tacit* atau teori kepada komuniti. Hasil pembelajaran yang lebih banyak dan bermakna kepada diri pelajar akan berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung.

KEPERLUAN SERVICE-LEARNING DALAM MEMBANGUN PELAJAR DAN KOMUNITI

Service-learning merupakan wadah dan wahana yang penting dalam melestarikan masyarakat secara berterusan. *Service-learning* dapat membawa manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada pelajar, komuniti, universiti serta agensi luar yang terlibat. Antara manfaat yang pelajar peroleh dari *service-learning* adalah hasil pembelajaran yang positif termasuk pembangunan personal dan pembangunan sosial (Eyler & Giles, 2001). Selain itu, ia turut membawa impak positif kepada pengalaman pelajar dalam kuliah mereka (Prentice & Robinson, 2010). Tambahan lagi, penglibatan pelajar dalam *service-learning* dapat meningkatkan tahap kesedaran dan fahaman tentang kebudayaan sesuatu komuniti itu (Gray et al., 1999). Melalui aktiviti *service-learning*, pelajar mempunyai peluang secara langsung untuk membuat analisis maklumat dari pelbagai perspektif yang dapat mendalami struktur sosial, cabaran dalam komuniti (Boyle-Baise & Langford, 2004).

Service-learning boleh menjadi alat pedagogi yang berkesan dalam pembangunan personal pelajar. Pelajar yang melibatkan diri dalam persekitaran komuniti yang berbeza dapat membantu memahami perbezaan antara satu sama lain (Gray et al., 1999). Pada dasarnya, penasihat akademik menjadi fasilitator pelajar dalam melihat tentang isu dan nilai masyarakat secara kritis, populasi dan individu tentang permasalahan mereka secara dekat. Bimbingan penasihat akademik dan refleksi pelajar mendatangkan pemahaman yang lebih tepat dan mendalam terhadap projek *service-learning*. Ia juga dapat memupuk sikap hormat-menghormati antara pelajar dengan masyarakat dan sebaliknya (Boyle-Baise & Langford, 2004).

Dalam pada itu, *service-learning* membantu pelajar maklum akan kepelbagaian serta menghormati perbezaan ahli dalam setiap komuniti (Taylor & Trepanier-Street, 2007). Keadaan ini dapat membina sikap toleransi dan hormat-menghormati dalam komuniti. Senario ini merupakan salah satu bentuk tanggungjawab sosial yang dapat dilakukan oleh para penasihat akademik di universiti. Antara kelebihan *service-learning* adalah ia membolehkan pelajar mengurangkan pemikiran stereotaip dan menggelakkan bias. Ini disebabkan pelajar memperoleh maklumat pertama “*first-hand*” dengan melibatkan diri secara langsung dalam kajian lapangan atau komuniti sasaran (Eyler & Giles, 2001) dan pendapat ini turut dipersetujui oleh Prentice dan Robinson (2010). Selain itu, Blouin dan Perry

(2009) menyatakan bahawa keterlibatan pelajar dalam aktiviti *service-learning* membolehkan mereka mengesan serta membezakan kesilapan konsep mengenai *service-learning* dan memahami erti *service-learning* dalam konteks yang sebenar. *Service-learning* dapat bantu membina kemahiran hidup pelajar untuk berfungsi dengan baik dalam dunia globalisasi yang dinamik serta mencabar (Juhn et al., 1999). Dengan kesedaran akan kelebihan atau kekurangan akibat persepsi negatif, penasihat akademik selaku fasilitator boleh mengambil langkah intervensi bagi memastikan pelajar memperoleh lebih banyak pengalaman dan kebaikan daripada *service-learning* (Dunlap et al., 2007).

Pelajar yang dilahirkan hendaklah cukup bersedia untuk bersaing secara kompetitif di pasaran kerja dengan memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran serta sikap yang terpuji. Budaya pembelajaran sepanjang hayat perlu dibentuk selari dengan objektif kursus (King & Gratz, 2011). Pandangannya sama seperti yang dikemukakan oleh Slavkin (2007) dan Sperling (2001). Adalah penting menghubungkan antara matlamat kursus dengan projek *service-learning* yang bakal dilaksanakan, di mana diharapkan dapat membawa manfaat serta pengalaman yang cukup bernilai kepada pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti berkenaan. Tryon et al. (2008) juga menyokong teori tersebut dengan menjelaskan bahawa salah satu cara yang popular di IPT adalah memasukkan komponen *service-learning* dalam kursus dan tugas pelajar. Tambahan lagi, banyak IPT telah mula mengaplikasikan kursus *service-learning* dalam kurikulum yang ditawarkan kepada pelajar. Ia telah dapat menggabungkan antara keperluan komuniti dengan pengetahuan dalam kuliah dan membawa kepada situasi menang-menang (Blouin dan Perry, 2009). Keduanya, sepanjang tempoh pengendalian *service-learning*, ia memerlukan pemikiran kritis serta membuat refleksi (King & Gratz, 2011). Penasihat akademik perlu bijak memimpin pelajar untuk membuat refleksi secara mendalam tentang pengalaman dan permasalahan yang dihadapinya semasa melaksanakan projek *service-learning*. Ketiga, refleksi dan penulisan refleksi melalui buku log atau jurnal dapat membantu penasihat akademik mengetahui akan kekuatan serta kelemahan program, agar tindakan susulan bagi menambahbaik keadaan dapat diambil dalam kadar segera (Slavkin, 2007). Refleksi merupakan panduan serta alat yang cukup berkesan sebagai titian dalam memindahkan sesuatu kemahiran atau pembelajaran secara berkesan (Morris, 2001). Keempat ialah hasil pembelajaran yang positif boleh diperoleh melalui *Service-learning*. Sperling (2007) menyatakan bahawa *service-learning* mendatangkan kesan yang positif selain merealisasikan matlamat sesuatu komuniti. Selaku penasihat akademik, mereka perlu membimbing pelajar dalam membuat analisis dan tafsiran yang tepat berkaitan isu perbezaan kumpulan dan status sosioekonomi suatu komuniti. Matlamat akhir adalah bagi membantu pelajar mengumpul maklumat secara tepat dan relevan seiring dengan melihat dunia dalam erti kata yang sebenar (Slavkin, 2007; Sperling, 2007). Kelima, pelajar juga mungkin menghadapi persepsi atau jangkaan buruk terhadap sesuatu komuniti sebelum mereka mengenali komuniti tersebut secara dekat dan menyeluruh. Sikap bias atau layanan istimewa kepada sesuatu kelompok masyarakat seharusnya ditangkis dengan membuat kajian rintis di peringkat awal perancangan. Perbezaan dari segi kaum etnik, bangsa atau agama seharusnya dapat diketepikan dengan prinsip menyediakan perkhidmatan dan kebajikan yang terbaik untuk mereka yang memerlukannya. Endres dan Gould (2009) menyatakan bahawa terdapat perkaitan antara faktor kuasa dan keistimewaan dalam pelaksanaan *service-learning* di mana ia mungkin menguntungkan kepada pihak terbabit atau sebaliknya. Namun begitu, penasihat akademik selaku agen perubahan dan pelaksana, perlu membantu pelajar menilai matlamat akhir yang ingin dicapai dalam projek *service-learning* itu tanpa menyingung mana-mana pihak.

CIRI-CIRI SERVICE-LEARNING YANG BERKESAN

Dalam usaha memartabatkan serta memaksimumkan kelebihan *service-learning* di IPT, beberapa elemen penting perlu dititiberatkan dalam proses pelaksanaannya. Antaranya adalah matlamat projek *service-learning* hendaklah selari dengan objektif kursus (King & Gratz, 2011). Pandangannya sama seperti yang dikemukakan oleh Slavkin (2007) dan Sperling (2001). Adalah penting menghubungkan antara matlamat kursus dengan projek *service-learning* yang bakal dilaksanakan, di mana diharapkan dapat membawa manfaat serta pengalaman yang cukup bernilai kepada pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti berkenaan. Tryon et al. (2008) juga menyokong teori tersebut dengan menjelaskan bahawa salah satu cara yang popular di IPT adalah memasukkan komponen *service-learning* dalam kursus dan tugas pelajar. Tambahan lagi, banyak IPT telah mula mengaplikasikan kursus *service-learning* dalam kurikulum yang ditawarkan kepada pelajar. Ia telah dapat menggabungkan antara keperluan komuniti dengan pengetahuan dalam kuliah dan membawa kepada situasi menang-menang (Blouin dan Perry, 2009). Keduanya, sepanjang tempoh pengendalian *service-learning*, ia memerlukan pemikiran kritis serta membuat refleksi (King & Gratz, 2011). Penasihat akademik perlu bijak memimpin pelajar untuk membuat refleksi secara mendalam tentang pengalaman dan permasalahan yang dihadapinya semasa melaksanakan projek *service-learning*. Ketiga, refleksi dan penulisan refleksi melalui buku log atau jurnal dapat membantu penasihat akademik mengetahui akan kekuatan serta kelemahan program, agar tindakan susulan bagi menambahbaik keadaan dapat diambil dalam kadar segera (Slavkin, 2007). Refleksi merupakan panduan serta alat yang cukup berkesan sebagai titian dalam memindahkan sesuatu kemahiran atau pembelajaran secara berkesan (Morris, 2001). Keempat ialah hasil pembelajaran yang positif boleh diperoleh melalui *Service-learning*. Sperling (2007) menyatakan bahawa *service-learning* mendatangkan kesan yang positif selain merealisasikan matlamat sesuatu komuniti. Selaku penasihat akademik, mereka perlu membimbing pelajar dalam membuat analisis dan tafsiran yang tepat berkaitan isu perbezaan kumpulan dan status sosioekonomi suatu komuniti. Matlamat akhir adalah bagi membantu pelajar mengumpul maklumat secara tepat dan relevan seiring dengan melihat dunia dalam erti kata yang sebenar (Slavkin, 2007; Sperling, 2007). Kelima, pelajar juga mungkin menghadapi persepsi atau jangkaan buruk terhadap sesuatu komuniti sebelum mereka mengenali komuniti tersebut secara dekat dan menyeluruh. Sikap bias atau layanan istimewa kepada sesuatu kelompok masyarakat seharusnya ditangkis dengan membuat kajian rintis di peringkat awal perancangan. Perbezaan dari segi kaum etnik, bangsa atau agama seharusnya dapat diketepikan dengan prinsip menyediakan perkhidmatan dan kebajikan yang terbaik untuk mereka yang memerlukannya. Endres dan Gould (2009) menyatakan bahawa terdapat perkaitan antara faktor kuasa dan keistimewaan dalam pelaksanaan *service-learning* di mana ia mungkin menguntungkan kepada pihak terbabit atau sebaliknya. Namun begitu, penasihat akademik selaku agen perubahan dan pelaksana, perlu membantu pelajar menilai matlamat akhir yang ingin dicapai dalam projek *service-learning* itu tanpa menyingung mana-mana pihak.


Selain pengetahuan dan sikap pelajar, pembangunan kemahiran insaniah (KI) pelajar juga amat dititikberatkan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). *Service-learning* ialah aktiviti pelajar belajar melalui memberi perkhidmatan kepada komuniti yang memerlukannya berdasarkan pengetahuan yang ada atau sedang dipelajarinya. Program *service-learning* dapat membangunkan tahap pencapaian akademik dan komitmen pelajar dalam memajukan sesetengah kelompok masyarakat. Pelajar akan bekerja secara berkumpulan bagi membantu menangani isu berbangkit secara berkesan yang mencakupi pelbagai konteks sosioekonomi dan profesional.

PERANAN PENASIHAT AKADEMIK DAN IMPAK SERVICE-LEARNING

Service-learning menekankan hubungkait antara ilmu pengetahuan tentang bidang pengkhususan pelajar dengan perkhidmatan sebenar yang diberikan kepada kumpulan sasaran dalam komuniti. Apabila pelajar mengintegrasikan antara pengalaman dalam *service-learning* dengan teori yang dipelajarinya, tentunya ia dapat mengukuhkan lagi pembelajaran serta pengalaman hidupnya (Dunlap et al., 2007). Maka, secara langsung atau tidak langsung, ia menjadi sarana (*tools*) dalam menambahbaik kepelbagaian pendidikan itu sendiri. Pelajar yang merancang serta melaksanakan *service-learning* akan memikirkan secara kreatif dan kritis terhadap isu mikro atau

makro yang mendatangkan impak yang kuat terhadap hasil pembelajarannya (Eyler & Giles, 2001). Ini amat membantu dalam membina pencapaian akademik, pembangunan sahsiah serta kerjaya pelajar seperti mana yang dihasratkan oleh penasihat akademik, fakulti dan universiti. Menurut Creamer (2000), matlamat utama penasihat akademik adalah membimbing pelajar cemerlang dari segi pendidikan dan pembangunan sahsiah. Fungsinya lebih kepada menyalurkan semua maklumat dan membiarkan mereka membuat keputusan yang tepat berkaitan dengan akademik dan seterusnya mampu membina peribadi luhur. Maka, *service-learning* dilihat sebagai platform yang paling sesuai dalam membangun kapasiti serta kompetensi pelajar dalam menghadapi cabaran dan laluan kerjaya mereka. Wan Zainura (2008) mendapati bahawa penasihat akademik berperanan ke arah melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, berilmu, berkebolehan dan berdaya saing dalam membentuk pelajar berpersonaliti unggul. Pandangan ini disokong oleh Harrison (2009) yang menyatakan bahawa bimbingan dan nasihat yang baik menghasilkan pelajar yang berjaya serta boleh mempengaruhi sikap mereka terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Milem (2000) menyatakan bahawa penasihat akademik yang sanggup mendampingi *advisee* serta menjadi pendorong kepada pelajar dalam menjalankan program *service-learning* tentunya meninggalkan kesan positif yang mendalam terhadap perkembangan diri pelajar dari segi akademik dan sahsiah.

Service-learning dikatakan dapat membawa manfaat kepada pihak fakulti mahupun universiti, antaranya ia dapat meningkatkan imej pelajar, staf dan universiti itu sendiri. Di samping itu, ia boleh mengeratkan lagi hubungan pelajar dengan komuniti setempat serta meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehfungsian pelajar lepasan universiti. Sehubungan dengan itu, pihak universiti dan penasihat akademik boleh memainkan peranan penting dalam membentuk warganegara yang prihatin dan semangat patriotik. Selaku agen perubahan, penasihat akademik di universiti terpanggil untuk memberikan sumbang bakti serta tanggungjawab sosial kepada komuniti melalui pembelajaran berasaskan komuniti. Penglibatan mereka selaku pemimpin dan agen perubahan masyarakat intelektual dan penyayang, ia melibatkan tiga tahap iaitu secara individu, kumpulan dan komuniti.



Rajah 1: Rajah menunjukkan peranan dan kepimpinan penasihat akademik dalam melaksanakan *service-learning* (Cress, 2005).

Rajah 1 di atas menunjukkan peranan dan kepimpinan penasihat akademik serta pelajar dalam melaksanakan *service-learning*. Pada peringkat awal pembelajaran, penasihat akademik dan pelajar akan bertindak secara individu berkaitan kursus pengajian. Selepas itu, masing-masing akan menggembeleng segala sumber, tenaga, ilmu pengetahuan, dan kemahiran dalam mencapai matlamat kursus. Pelajar yang mendaftar kursus *service-learning* ini akan membentuk kumpulan yang mempunyai target dan strategi yang sama. Akhir sekali permuafakatan dalam kumpulan akan membuat jaringan kerja dengan komuniti luar dengan jalinan erat dan berfokus. Sasaran akhir adalah melakukan sesuatu perubahan positif dalam kalangan komuniti dan pelajar itu sendiri. Situasi menang-menang perlu sentiasa diberi keutamaan. Maka, penasihat akademik dapat memainkan peranan kepimpinan dan pendorong dalam setiap peringkat dengan lebih ketara lagi. Dalam proses pelaksanaan *service-learning*, setiap ahli akan membentuk kumpulan yang dinamik lantas mendatangkan kerjasama positif dalam kumpulan. Justeru itu, memberi impak yang besar kepada komuniti (Cress et al., 2005). Beliau juga mendapati bahawa terdapat tiga elemen kepimpinan dalam konteks individu iaitu kesedaran diri, kesesuaian dan komitmen. Setiap individu mempunyai sikap, emosi, nilai, pegangan dan kepercayaan yang berbeza terhadap setiap perkara yang dihadapinya. Individu akan menyesuaikan diri dengan pemikiran, perasaan serta tingkah laku sendiri seiring dengan kebenaran dan keikhlasan terhadap orang lain. Komitmen merupakan dorongan dalaman seseorang individu untuk berkhidmat kepada pihak ketiga. Keduanya, dalam elemen kumpulan pula, prinsip kolaboratif dan kerjasama adalah kunci kejayaan ahli kumpulan. Matlamat yang sama juga disasarkan melalui matlamat dan tindakan yang selari. Akhir sekali adalah kelompok komuniti, semangat sivik dan kewarganegaraan mampu membina jalinan erat antara kumpulan projek *service-learning* ke arah membina masyarakat yang maju dan lestari (Cress, 2005). Maka, penasihat akademik selaku fasilitator boleh


memainkan peranan yang lebih besar, di samping tanggungjawab sosial yang perlu digalas oleh setiap individu dalam IPT dalam konteks pendidikan hari ini.

Service-learning membawa pelbagai impak kepada pelajar dan komuniti. Melchoir (1999) menyatakan bahawa pelajar yang terlibat dengan *service-learning* menunjukkan pencapaian gred akademik (matematik) yang baik, jalinan erat dengan pihak luar dan kemahiran sosial yang baik selain dapat mengurangkan tingkah laku berisiko dan masalah sosial dalam kalangan pelajar. Mereka dapat mempamerkan tingkahlaku yang lebih bermoral serta beretika dalam konteks membuat keputusan dengan tahap toleransi serta sifat empati yang jauh lebih tinggi. Pengetahuan dan pemahaman berkaitan permasalahan komuniti lebih jelas, begitu juga tahap kognitif dan kemahiran menyelesaikan masalah adalah lebih baik (Cress et.al, 2005). Melalui *service-learning*, pelajar dapat memanfaatkan peluang dengan mengkaitkan pengamalan sebenar dengan kandungan ilmu dan teori dalam bilik kuliah dengan menghulurkan bantuan secara khusus. Proses ini tentunya membawa impak yang cukup besar kepada hasil pembelajaran dan kematangan pelajar sepanjang pengajian di universiti (Astin et al., 2000). Selain membangunkan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kerjaya pelajar, *service-learning* dikatakan juga menitikberatkan aspek tingkah laku dan afektif pelajar (Sperling, 2007). Ini selari dengan komponen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang inginkan keseimbangan dalam pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam diri setiap pelajar. Aspek emosi dan afektif banyak mempengaruhi individu mahupun komuniti dalam tindak-tanduk seharian mereka.

Service-learning juga mendatangkan impak yang positif kepada masyarakat. Antaranya adalah dapat bantu meningkatkan taraf sosial, kebajikan, memperkayakan ilmu, memperkasa ketamadunan dan budaya masyarakat, kesedaran tentang pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar dan ekosistem serta memupuk masyarakat penyayang. Ia juga dapat membantu golongan remaja dalam komuniti mempelajari pelbagai aspek termasuklah pendidikan, keusahawanan dan pembentukan sahsiah. Namun begitu, terdapat juga pendapat yang agak berbeza tentang impak *service-learning*. Cipolle (2009) menyatakan bahawa manfaat daripada *service-learning* juga tidak menjamin kesedaran pelajar terhadap sesuatu komuniti khususnya kumpulan minoriti. Pertama, situasi di mana pelajar mungkin mempunyai pandangan negatif terhadap sesetengah kumpulan komuniti. Kedua, tindakan pihak berkuasa yang tidak menyokong pelajar dalam melaksanakan projek *service-learning* bagi kumpulan minoriti juga boleh mengecewakan kumpulan pelajar. Ketiga, mungkin juga disebabkan tempoh masa *service-learning* yang tidak lama atau berterusan, hanya tertumpu kepada tugas menyelesaikan sesuatu isu yang dirancang dalam kuliah, maka kekangan dan limitasi ini tidak menampakkan satu perubahan yang ketara. Akhir sekali, senario pasif dan sikap kebergantungan sesuatu komuniti itu boleh menyebabkan isu kronik tidak mampu diatasi dalam jangka masa pendek dengan pelbagai isu sumber dan bantuan teknikal.

MODEL SERVICE-LEARNING DAN PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR

Dalam membincangkan *service-learning* dengan lebih jelas dan terperinci, penulis ingin mengongsikan akan model *service-learning* yang diutarakan oleh Cress (2005).



Rajah 2: Model Pembelajaran Melalui Memberi Perkhidmatan (*Learning-Through-Service Model*) oleh Cress (2005)

Merujuk kepada rajah 2 di atas, Model Pembelajaran Melalui Perkhidmatan (*Learning-Through-Service Model*) ini melibatkan empat komponen utama iaitu penasihat akademik, pelajar, isi kandungan kurikulum dan pengalaman melalui memberi perkhidmatan kepada komuniti. Impak model ini memfokus kepada hasil pembelajaran melalui refleksi yang berkesan pada diri setiap pelajar yang terlibat. Dalam konteks suasana pembelajaran dinamik, pelajar yang melibatkan diri dalam *service-learning* merupakan pelajar yang aktif dalam mencungkil ilmu baru. Peranan penasihat akademik adalah lebih fleksibel dan bertindak sebagai fasilitator dan pakar motivasi. Pelajar akan memainkan peranan utama dalam menentukan hasil pembelajaran (*learning outcome*) mereka berdasarkan matlamat projek. Berbeza dengan pedagogi yang stereotaip, pembelajaran kursus secara *service-learning* membawa unsur baru dalam dunia pendidikan. Ia menghubungkan antara ilmu dan kemahiran pelajar

dengan memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran yang mampu mendatangkan kesan *outcome* yang ketara kepada pelajar. Pembelajaran melalui refleksi sendiri melalui pengalaman yang dialami dalam aktiviti *service-learning* merupakan kata kunci dalam konsep *service-learning*. Para penasihat akademik akan memandu pelajar mengintegrasikan pengetahuan melalui interaksi bersama komuniti. Pengalaman yang diperoleh akan dibuat refleksi secara menyeluruh bagi tujuan penambahbaikan program. Sebagai mahasiswa- yang mempunyai kemahiran pemikiran tahap tinggi, pelajar hendaklah mempunyai keupayaan membuat refleksi dan inkuiri secara berkesan dalam menyelesaikan sesuatu tugas atau masalah pembelajaran. Maka, *service-learning* dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta membina kecerdasan emosi serta spiritual pelajar melalui pengalaman sebenar bersama komuniti yang dibantu. Ini dapat dibantu dengan adanya pengetahuan tentang teori dan prinsip sesuatu bidang ilmu itu. Cress (2005) menyatakan bahawa pelajar sering konflik antara tanggapan mereka jauh berbeza dengan apa yang dijangkakan. Keadaan ini memerlukan pelajar membuat kajian kritis tentang permasalahan sebenar bagi komuniti sasaran mereka. Pengalaman yang diperoleh sepanjang penglibatan adalah sesuatu yang amat bernilai serta besar ertinya. Perkara yang menarik dalam konteks *service-learning* adalah pelajar dapat merasai pengalaman pahit-manis dan melibatkan pelbagai gaya pembelajaran.

KAJIAN KES PELAKSANAAN *SERVICE-LEARNING* DALAM KONTEKS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dalam membincangkan perkara berkaitan *service-learning* di universiti, penulis ingin membawa contoh modul yang mirip kepada konsep sebenar pelaksanaan *service-learning* yang diamalkan di UTM. Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum telah mula menawarkan kursus khidmat komuniti(*service-learning*) dengan kod subjek UKQL 3012 mulai semester satu sesi akademik 2011/2012. Kursus *service-learning* juga dikenali sebagai UTM dan Khidmat Komuniti. Ia menggunakan pendekatan PdP yang dapat membangunkan pelajar secara menyeluruh menerusi penglibatan secara langsung dalam pelbagai program kemasyarakatan serta kesedaran sivik. Pelaksanaan *service-learning* di UTM adalah berasaskan konsep bersama dan muafakat antara pelajar dengan komuniti terpilih. Masing-masing menjalin hubungan erat dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dalam melestari dan membudayakan komuniti setempat. UTM sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dalam arus perdana pembangunan. UTM perlu memfokuskan kepada program *service-learning* yang setaraf dengan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang lain dalam memikul tanggungjawab sosial universiti "*University Social Responsibility*"(USR). Program *service-learning* membolehkan pelajar menyumbang kepada komuniti dengan mengadaptasi serta mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam pengajian mereka bagi menyelesaikan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh komuniti. Melalui aktiviti *service-learning*, diharapkan dapat memupuk semangat patriotik dan sikap tanggungjawab pelajar kepada bangsa dan negara sekaligus menjadi warganegara yang berguna.

Bagi meningkatkan keberkesanan dalam pengendalian kursus *service-learning*, UTM telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa *Service-Learning* (JK S-L) yang keanggotaannya terdiri daripada wakil fakulti, kolej dan Pejabat Hal Ehwal Murid dan Alumni (HEMA). Kursus *service-learning* bagi setiap semester mempunyai tema tertentu yang bakal diluluskan oleh JK S-L UTM dengan kelulusan kewangan bersama kertas projek. Kertas projek yang lengkap hendaklah mendapat sokongan daripada Dekan Fakulti dan HEMA terlebih dahulu. Setelah itu, pihak Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum UTM akan mengeluarkan surat lantikan tenaga pengajar ke fakulti, kolej dan Persatuan Pelajar berkenaan. Pada kebiasaannya ahli kumpulan atara 15 hingga 30 orang yang merangkumi pelbagai unit, jabatan, kolej dan fakulti. Terdapat tiga kaedah kerja lapangan iaitu semasa minggu kuliah, semasa cuti semester, dan antara semester/sesi. Bagi memastikan kursus *service-learning* dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, Pihak UTM telah menyediakan wajaran penilaian yang standard iaitu penyediaan kertas kerja(10%), ujian atau kuiz(10%), penilaian oleh tenaga pengajar(20%), penilaian oleh penyelia komuniti (10%), laporan akhir projek (40%) dan pembentangan dapatan projek (10%). Aspek kemahiran teknikal dan juga kemahiran insaniah(KI) pelajar diambil kira dalam penilaian yang akan dilakukan secara individu dan berkumpulan. Penilaian yang diadakan adalah bersifat bersepadu dengan refleksi secara mendalam tentang hasil pembelajaran dari aspek kognitif, efektif serta psikomotor. Tidak ketinggalan dari aspek nilai serta etika pelajar sepanjang tempoh penglibatan dalam kursus *service-learning*.

Service-learning merupakan program yang baik dan mendatangkan banyak manfaat kepada kemenjadian seseorang pelajar. Noor Syafawati (2012) dalam kajiannya terhadap 131 orang pelajar yang terlibat dengan Kursus UTM dan Khidmat Komuniti (*service-learning*) pada sesi 2011/2012/2 menunjukkan bahawa tahap impak yang diberikan oleh *service-learning* adalah tinggi bagi setiap elemen KI yang dikaji dengan elemen etika dan moral profesional adalah paling dominan. Ini membuktikan bahawa para pelajar yang menyertai *service-learning* di UTM telah dapat menyemai serta membina etika serta kesedaran sivik sepanjang tempoh melibatkan diri dalam *service-learning*. Penglibatan mereka dalam menyediakan sesuatu perkhidmatan dan bantuan kepada komuniti yang disasarkan oleh mereka merupakan sesuatu tugasan yang murni selain beroleh kredit yang bernilai dalam pengajian mereka.

Kelebihan atau limitasi yang wujud dalam *service-learning* seharusnya dikaji dengan lebih teliti, peluang dan cabaran yang mungkin timbul sepanjang pengendalian projek hendaklah dianalisis secara mendalam bagi memastikan hasil pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna dan bukan setakat memperoleh kredit yang ditetapkan oleh pihak universiti. Mundy dan Eyer(2002) menyatakan bahawa *service-learning* memang dapat mengukuhkan pembelajaran serta membangunkan diri pelajar itu. Antara kekangan dalam pelaksanaan kursus *service-learning* ialah kandungan pembelajaran tidak begitu ketara termasuklah kesukaran bagi mengukur kemahiran insaniah (KI) pelajar secara jitu. Maka, boleh dikatakan bahawa masih terdapat perbezaan fahaman dan amalan terhadap program *service-learning* dalam konteks yang sebenar yang menekankan pembelajaran melalui memberikan perkhidmatan kepada pihak ketiga berbanding konsep khidmat komuniti sahaja.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Melalui penglibatan dalam program *service-learning* yang dilakukan, ia dapat membentuk sahsiah terpuji, meningkatkan kemahiran insaniah, patriotik, keprihatinan dan rasa tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara. Pencapaian akademik serta pembangunan kerjaya yang baik telah dapat diasah dalam tempoh tersebut. Pengalaman mengurus, berurusan serta menyelesaikan isu *stakeholder* merupakan pendekatan yang terbaik dalam memantapkan diri pelajar sebelum masuk ke pasaran kerja yang sebenar. Bukti menunjukkan bahawa *service-learning* membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan serta isu sosial dan dapat meningkatkan kejayaan profesional mereka di masa depan (Kovarik, 2010). Persoalan pokok adalah bagaimana penasihat akademik boleh memainkan peranan yang lebih asertif dalam memotivasikan pelajar melibatkan diri dengan program *service-learning*? Petuanya ialah melalui pemberian pengiktirafan, penghargaan, penurunan kuasa serta merit yang lebih diberikan kepada para penasihat akademik dalam merancang lebih banyak projek tanggungjawab sosial. Selain itu, semangat nasionalisme serta patriotik hendaklah tidak lekang dalam visi dan misi penasihat akademik sepanjang mengendalikan aktiviti *service-learning*.

Bagi merealisasikan hasrat meningkatkan pendidikan berkualiti melalui peranan penasihat akademik dalam melestarikan *service-learning* dalam kalangan pelajar sebagai salah satu bentuk tanggungjawab sosial universiti, beberapa cadangan dikemukakan penulis seperti berikut:

- i) Pihak universiti khususnya Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum, UTM dan Jawatankuasa *Service-Learning* boleh menurunkan kuasa kepada penasihat akademik (penyelia) agar kursus *service-learning* dapat diperluaskan ke semua jurusan serta fakulti yang ada dan Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum, UTM akan terus kekal dan bertindak sebagai urus setia utama dalam konteks pengurusan kursus *service-learning* itu.
- ii) Penasihat akademik hendaklah berperanan membantu pelajar mengenal pasti tema serta skop *service-learning* yang ingin dilakukan selaras dengan wawasan membangun serta memajukan komuniti setempat dengan lebih relevan.
- iii) Isu dan permasalahan dalam komuniti merupakan tumpuan utama kajian lapangan serta penyelidikan yang dibuat selaras dengan misi Universiti Penyelidikan dan Jalinan Erat Komuniti-Universiti (*Universiti Community Engagement*).
- iv) *Anugerah Bintang Service-Learning* dapat memartabatkan kursus *service-learning* serta menyuntik semangat dan menjadi teladan kepada seluruh warga pendidik dalam kampus universiti untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Dalam usaha menyediakan *service-learning* yang berkesan, penasihat akademik dan pelajar perlu membuat perancangan dan kajian rintis bagi mengenalpasti masalah yang hendak diselesaikan, isu berbangkit dan kumpulan sasaran yang ingin dibantu hendaklah dikenalpasti. Selain itu, penglibatan pelajar merentasi pelbagai jurusan, bidang dan fakulti adalah penting dan perlu bagi tujuan mengumpulkan pelbagai kepakaran dan pengalaman. Hasil program jangka panjang perlu diberi keutamaan berbanding impak jangka pendek sahaja. Kesedaran dan pembangunan konsep sendiri komuniti turut menjadi fokus tugas setiap pelajar dalam *service-learning*.

Matlamat utama di dalam bidang pendidikan adalah untuk mengintegrasikan prinsip, nilai dan amalan pembangunan lestari ke dalam semua aspek pendidikan dan pembelajaran. Ini bertujuan menggalakkan perubahan dalam tingkah laku yang akan mencipta masa depan yang lebih berkualiti. Ia berfokus kepada pengetahuan, kemahiran, pemahaman, nilai dan tindakan yang diperlukan untuk mewujudkan sebuah negara dunia yang lestari, yang memastikan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, menggalakkan ekuiti sosial dan menggalakkan kemampanan ekonomi. Ternyata program *service-learning* mampu memenuhi aspirasi di atas. *Service-learning* dapat membina tiga perkara utama iaitu penguatan personaliti pelajar, penguatan komuniti serta perkembangan institusi pendidikan. Melalui perkongsian pintar dan kolaboratif antara pihak universiti, termasuk Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) tentunya dapat merapatkan hubungan dan jalinan erat dengan komuniti setempat selain menjadi pakar rujuk oleh pihak masyarakat tentang *Pembangunan in-situ (projek pembangunan sedia ada)*, modal insan, intelek, teknikal serta kepakaran yang ingin dicungkil. Lantaran itu, negara kita akan dapat merealisasikan sembilan cabaran seperti mana yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Secara rumusannya, apa yang dikatakan *service-learning* adalah sesuatu alat yang cukup berkesan untuk membantu pelajar mengenal identiti mereka sebagai warganegara yang mempunyai kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial kepada komuniti masing-masing. Kesedaran ini penting dan perlu bagi komuniti yang dinamik yang mereka diami sekarang (Dunlap, 2007). Tidak kurang penting juga *service-learning* mampu mengurangkan pemikiran statik dalam kalangan pelajar universiti yang bakal dilahirkan (Blouin & Perry, 2009). Universiti perlu memikul tanggungjawab membantu pelajar menuntut ilmu pengetahuan dan seterusnya menyumbangkan semula kepada masyarakat sebagai menabur bakti. Melalui perkhidmatan serta bantuan yang diberikan, hasil pembelajaran serta pengalaman bernilai sebagai pulangnya. Lantaran itu, pendidikan bukan hanya untuk menuntut ilmu sahaja.

REFERENCES

- Atin, A. W., Vogelgesang, J. L., Ikeda, E. K. and Yee, J. A. (2000). *How service-learning affect students*. Los Angeles: Higher Education Research Institute, University of California.
- Blouin, D. D., & Perry, E. M. (2009). Whom does service-learning really serve? Community-based organizations perspectives on service-learning. *Teaching Sociology*, 37(2), 120-135.
- Boyle-Baise, M., & Langford, J. (2004). The are children here: Service-learning for social justice. *Equity & Excellence in Education*, 37(1), 55-66.
- Burnett, J. A., Long, L. L., & Horne, H. L. (2005). Serving-learning for counselors: Integrating education, training, and the community. *Journal of Humanistic Counseling, Education, and Development*, 4(4), 158-167.
- Cipolle, S. (2009). Service-learning as a counter-hegemonic practice: Evidence pro and con. *Multicultural Education*, 11(3), 12-23.
- Cress, C. M., Peter, J. C., Vicki, L., Reitenauer et al. (2005). *Learning through serving: A student guidebook for service-learning across the disciplines*. Virginia: Sterling.
- Creamer, D. G. (2000). Use of theory in academic advising. In Gordon, V.N. Gordon and R.H. Wesley (Eds.). *Academic Advising: A Comprehensive Handbook* (pp 18-34). San Francisco: Jossey-Bass.
- Dunlap, M., Scoggin, J., Green, P., & Davi, A. (2007). White students' experiences of privilege and socioeconomic disparities: Toward a theoretical model. *Michigan Journal of Community Service-Learning*, 13(2), 19-30.
- Endres, D., & Gould, M. (2009). I am also in the position to use whiteness to help them out: The communication of whiteness in service-learning. *Western Journal of Communication*, 73(4), 418-436.
- Eyler, J., & Giles, D. (2001). *At a glance: What we know about the effects of service-learning on college students, faculty, institutions and communities, 1993-2000 (3rd ed)*. Washington, D.C.: Corporation for National and Community Service.
- Gray, M. J., Ondaatje, E. H., dan Zakaras, L., (1999). Combining service-learning in higher education: Learn and serve America higher education. *Summary Report*. Santa Monica, California: Rand Corporation.
- Hamedah Wok Awang dan Normah Teh (2009). *Sekolah sebagai pembangunan modal insan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Harrison, E. (2009). What constitutes good academic advising? Nursing students perception of academic advising. *Journal of Nursing Education*, 48(7), 361-366.
- Jocoby, B. (2002). *Building partnership for service-learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Joko Prastowo dan Eko Agus Syuno eds. (2007). *Buku pedoman kuliah kerja nyata: Pembelajaran pemberdayaan masyarakat (KKN PPM) perguruan tinggi di Indonesia*. Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Departemen Pendidikan Nasional.
- Juhn, G., Tang, J., Piessens, P., Grant, U., Johnson, N., & Murray, H. (1999). Community learning: The reach for health nursing program-middle school collaboration. *Journal of Nursing Education*, 38(5), 215-221.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). *Modul pembangunan dan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- King, C., & Gratz, K. (2011). Building bridge with serve Learning. *ASGA School Counselor*, 48(3), 20-23.
- Kovarik, M. (2010). The effect of service-learning on interdisciplinary learning and curriculum reinforcement, and its application to public school environments. *International Journal of the Scholarship of Teaching & Learning*, 4(1), 1-20.
- Milem, J. F., Berger, J. B., & Dey, E. L. (2000). Faculty time allocation. *The Journal of Higher Education*, 71(4), 454-475.
- Melchoir, A. (1999). *National evaluation of learn and serve America*. Waltham, MA: Brandies University.
- Morris, P. V., Pomery, J. G., & Murray, K., (2001). A multicultural partnership for change. *Electronic Magazine of Multicultural Education*, 3(2), 6.
- Mundy, M., & Eyler, J. (2002). *Service-learning & retention: Promising possibilities, potential partnerships*. Nashville, TN: Vanderbilt University.
- Ngai, S.S.Y. (2006). Service-learning, personal development, and social commitment: A case study of university students in Hong Kong. *Adolescence*, 41 (161), 165-176.

- Noor Syafafwati Mamat (2012). *Impak kursus UTM dan khidmat komuniti terhadap kemahiran insaniah pelajar Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Prentice, M., & Robinson, G. (2010). Improving student learning outcomes with service-learning. *Community College Journal*, 10(1), 1-16.
- Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum.(2012). *Buku Panduan Akademik: Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum 2011/2012*. Johor Bahru, UTM.
- Slavkin, M. L. (2007). Transformation education through service-learning. *New Horizon in Education*, 55(1), 107-122.
- Sperling, R. (2007). Service-learning as a method of teaching multiculturalism to white college students. *Journal of Latinos and Education*, 6(4), 309-322.
- Taylor, J. A., & Trepanier-Street, M. (2007). Civic education in multicultural contexts: New findings from a national study. *Social Studies*, 98(1), 14-18.
- Tyron, E., Steocker, R., Martin, A., Seblonka, K., Hilgendorf, A., & Nellis, M. (2008). The challenge of short-term service-learning. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 14(2), 16-26.
- Wan Zainura Wan Yusof dan Abdullah Sulong (2008). *Pengaruh sistem penasihat akademik terhadap tahap pencapaian akademik pelajar*. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zlotkowski, Edward ed. (1998). *Successful service-learning programs: New models of excellence in higher education*. Bolton: Anker Publishing.